

## **Aktiviti : PROGRAM GLOBAL SURVEYOR'S DAY 2025**

Tarikh : 26 Mei 2025 / 28 Zulkaedah 1446 H

Tempat : Dewan Kuliah Induksi, INSTUN

Tujuan: Program Global Surveyors Day dianjurkan bertujuan untuk menghargai sumbangan para juruukur dalam pembangunan negara serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan penting profesion ukur dalam pelbagai sektor.

Penglibatan: Seluruh kakitangan dan warga kerja INSTUN

Program ini telah bermula seawal jam 9.00 pagi dengan ketibaan YBrs. Tuan Pengarah INSTUN yang diiringi oleh Ketua-Ketua Bahagian serta Pendaftar INSTUN. Urus setia bagi Program Global Surveyors Day (GSD) ini adalah Bahagian Ukur dan Pemetaan.

Program diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan, Lagu Negaraku, serta bacaan doa. Ucapan dan perasmian oleh YBrs. Pengarah INSTUN telah berlangsung selepas itu. Seterusnya, sijil penghargaan telah disampaikan kepada para juri yang telah terlibat dalam pertandingan Video Pendek dan pertandingan Fotografi AI. Gimik perasmian dan tayangan video montaj turut diadakan selepas penyampaian sijil penghargaan.

Seterusnya, program diteruskan dengan pertandingan Kuiz Kahoot yang menerima penyertaan melebihi 50 orang peserta. Selepas pertandingan tersebut, majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi pertandingan Video Pendek, Fotografi AI, dan Kuiz Kahoot telah disempurnakan oleh YBrs. Pengarah INSTUN, diiringi oleh Ketua Bahagian Ukur dan Pemetaan (BUP).

Diharapkan penganjuran Program GSD ini dapat memberikan impak positif dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan profesion ukur, serta memperkukuh jalinan kerjasama antara juruukur, agensi kerajaan, industri dan institusi pendidikan.

